# Majlis Q Hari Kualiti '09

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

23 Jun 2009, MITC, Ayer Keroh Melaka


Amir





## Kharmizi bin Khamis

### Pembantu Am Pejabat

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 1 Jun 2002. Beliau pernah mewakili UTeM sempena Perbarisan Maulidur Rasul di peringkat Negeri Melaka. Beliau merupakan Ahli Kelab Staf Pejabat Perpustakaan, Ahli Koperasi UTeM dan juga Ahli BAKUTeM. Beliau juga aktif mengikuti kursus anjuran UTeM seperti Kursus Budaya Cemerlang di Tempat Kerja, Kursus Kembara ESQ, Kursus Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan juga Kursus Peningkatan Kerjaya Pembantu Am Pejabat.

Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Pembantu Perpustakaan pada 1 Jun 2006 di Pejabat Perpustakaan, mengendalikan dan menguruskan koleksi jurnal dan majalah untuk rujukan pengguna (pelajar, staf dan ahli). Di samping itu beliau telah mewakili Jabatan Perpustakaan di Sukan Antara Jabatan UTeM dalam acara bola sepak, olahraga dan bola tampar. Beliau juga dilantik sebagai Jurulatih pasukan ragbi pelajar di Kejohanan MASUM di Sabah. Beliau juga terlibat sebagai pemain ragbi Negeri Melaka bagi kejohanan luar dan juga beraksi di Kejohanan Ragbi Liga Selangor.

## Muhammad Afiz bin Ahmad

### Pembantu Perpustakaan

## Aniz Hafizuddin bin Abu Bakar

### Pembantu Am Pejabat

Beliau mula berkhidmat di UTeM pada 22 Mac 2004 dan ditempatkan di Pejabat Perpustakaan. Beliau melaksanakan tugasan di tiga lokasi UTeM iaitu di Kampus Industri, Kampus Bandar dan Kampus Induk dalam urusan mengambil hasil kutipan wang kaunter, pinjaman antara Perpustakaan dan surat-menyurat. Di samping itu, beliau begitu komited dalam tugasan yang diarahkan dari masa ke semasa dan menjadi Urus Setia dalam program-program anjuran UTeM seperti Majlis Hari Raya Aidilfitri, Festival Membaca dan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan serta kebajikan Pejabat Perpustakaan. Beliau juga aktif dalam aktiviti kesukanan dan mewakili Pejabat Perpustakaan dalam Sukan Antara Jabatan seperti bola sepak, karom, badminton dan bola tampar.



## *Mohd Efendi bin Rajali*
## *Pembantu Perpustakaan*

Beliau menjalankan tugas di dua unit iaitu di Unit Pengindeksan dan Unit Rujukan pada tahun 2006. Beliau terlibat secara langsung dalam Sukan Antara Jabatan iaitu bola sepak & olahraga seperti lontar peluru, rejam lembing dan lempar cakera. Beliau pernah menjadi Pengurus bagi pasukan bola sepak dan sepak takraw Pejabat Perpustakaan bagi Sukan Antara Jabatan tahun 2007. Penglibatan di dalam program Universiti seperti Program Peningkatan Kualiti dan Integriti Modal Insan, Program Pembangunan dan Pengukuhan Integriti Diri dan Organisasi, Kursus Macromedia Flash, Kursus Pertolongan Cemas Asas, Majlis Ibadah Korban dan Aqiqah, Festival Merdeka 2008, Kempen Kibarkan Jalur Gemilang (Pameran Pejuang Patriotik, Majlis Maal Hijrah 1429H dan juga Seminar Motivasi Patriotisme dan Peningkatan Kompayaan Belaria Kakitangan Awam.








# *Mahadir bin Che Ali*
## *Pustakawan*

*Mula berkhidmat di UTeM pada 25 Februari 2003 dan ditempatkan di Unit Media, Pejabat Perpustakaan dan kemudiannya di Unit Perolehan Buku. Bertanggungjawab membangunkan koleksi perpustakaan UTeM dengan memperoleh bahan-bahan (buku, bahan media dan bahan bercetak) yang sesuai serta berkaitan dengan bidang teras Fakulti untuk menyokong pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perundingan dengan menggunakan Aplikasi Sistem Perpustakaan ILMU. Antara sumbangan dan penglibatan di peringkat UTeM ialah dilantik sebagai Biro Kebajikan Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PRAKTIS), Fasilitator Kursus Induksi Umum dan Khusus, Pembuka Tender, Ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Konvokesyen UTeM, Pemeriksa Kira-Kira, Badan Kebajikan Staf (BAKUTeM) dan pemilik proses (Perolehan) Pejabat Perpustakaan bagi Persijilan MS ISO 9001:2000 UTeM bagi pengajaran dan pembelajaran. Di peringkat Pusat Tanggungjawab dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Perolehan Terus Bekalan dan Perkhidmatan Pejabat Perpustakaan, Ahli Jawatankuasa Festival Membaca Peringkat UTeM, Naib Ketua Kumpulan Inovatif & Kreatif (Perolehan) dan Penyelaras Jawatankuasa Keceriaan. Bergiat aktif dalam sukan terutama bola sepak, bowling dan karom. Pernah menjadi Pengurus Pasukan Bola sepak senior UTeM.*